

NO. SOALAN: 57

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN
IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : 4 APR 2018

RUJUKAN : 10644

SOALAN :

Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid Bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik lengkap tangkapan dan penahanan suspek atau pesalah yang terlibat dalam kegiatan keganasan melampau dan pecahan relevan antara tahun 2000-2017 serta bukti empirikal keberkesanan Modul Pemulihan Bersepadu Orang Tahanan dalam proses rehabilitasi tahanan ekstremis.

125

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Seramai 514 orang telah ditahan atas kesalahan-kesalahan berkaitan keganasan sejak 2010 hingga 21 Februari 2018. Daripada jumlah tersebut, 382 tangkapan membabitkan ahli kumpulan penganas Daesh dan selebihnya seramai 132 orang membabitkan lain-lain kumpulan penganas.

Semua tahanan yang terlibat dengan kegiatan keganasan perlu menjalani program deradikalisasi atau proses pemulihan khusus yang melibatkan kerjasama pelbagai agensi seperti KDN, PDRM, Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Program pemulihan dilaksanakan secara sistematik menggunakan Modul Deradikalisasi Bersepadu untuk penganas yang merangkumi aspek keagamaan, kewarganegaraan, psikologi, kekeluargaan dan nilai-nilai murni.

Bagi memastikan program deradikalisasi yang dijalankan ini sentiasa berkesan, modul deradikalisasi sentiasa dikaji dan ditambah baik dari semasa ke semasa dengan penglibatan pakar-pakar deradikalisasi dalam pelbagai bidang.